

**Foreign Account Tax Compliance Act (FATCA)
Common Reporting Standard (CRS)**

Soalan Lazim

No.	Soalan	FATCA	CRS
1.	Apa itu FATCA dan CRS?	FATCA (Akta Pematuhan Cukai Akaun Asing) ialah undang-undang persekutuan Amerika Syarikat (AS) yang menetapkan keperluan bagi Orang AS, termasuk individu yang tinggal di luar AS, untuk melaporkan akaun kewangan mereka yang dipegang di luar AS. Akta ini juga menetapkan keperluan bagi institusi kewangan asing seperti CIMB untuk melaporkan maklumat akaun kewangan pelanggan AS mereka kepada Perkhidmatan Hasil Dalam Negeri (IRS). FATCA bertujuan untuk mengurangkan pengelakan cukai oleh Orang AS. Anda boleh mendapatkan maklumat lanjut mengenai FATCA di https://www.irs.gov/businesses/corporations/foreign-account-tax-compliance-act-fatca.	CRS (Piawaian Pelaporan Umum) ialah piawaian global bagi pertukaran maklumat automatik (AEOI) yang disahkan oleh Pertubuhan Kerjasama dan Pembangunan Ekonomi (OECD). Piawaian ini menetapkan keperluan bagi institusi kewangan asing seperti CIMB untuk melaporkan maklumat akaun kewangan pelanggan mereka kepada pihak berkuasa cukai bidang kuasa lain yang turut serta. Matlamatnya adalah untuk memerangi pengelakan cukai dan melindungi integriti sistem cukai. Anda boleh mendapatkan maklumat lanjut mengenai CRS di https://www.hasil.gov.my/en/international/automatic-exchange-of-information-aeoi/common-reporting-standard-crs/.
2.	Bagaimanakah FATCA dan CRS memberi kesan kepada CIMB?	CIMB secara sah dikehendaki di bawah undang-undang untuk mematuhi peraturan FATCA dan keperluan ini bukan sahaja dikenakan ke atas CIMB. Semua institusi kewangan yang berpangkalan di Malaysia dikehendaki mematuhi peraturan FATCA berkuat kuasa 1 Julai 2014.	CIMB secara sah dikehendaki di bawah undang-undang untuk mematuhi peraturan CRS dan keperluan ini bukan sahaja dikenakan ke atas CIMB. Semua institusi kewangan yang berpangkalan di Malaysia dikehendaki mematuhi peraturan CRS berkuat kuasa 1 Julai 2017.
3.	Bagaimana saya tahu jika saya tertakluk di bawah FATCA atau CRS?	Anda tertakluk di bawah FATCA jika anda merupakan Orang AS untuk tujuan cukai. Orang AS termasuk (tetapi tidak terhad kepada): • Warganegara AS termasuk individu yang dilahirkan di AS tetapi tinggal di tempat lain dan masih mengekalkan kewarganegaraan AS; • Pemastautin AS termasuk pemegang kad hijau AS; • Orang tertentu yang menghabiskan sebilangan besar harinya di AS dan memenuhi ujian kehadiran yang cukup besar untuk tahun kalendar berkenaan;	Anda tertakluk di bawah CRS jika anda merupakan pemastautin cukai di bawah bidang kuasa yang turut serta dalam CRS.

**Foreign Account Tax Compliance Act (FATCA)
Common Reporting Standard (CRS)**

No.	Soalan	FATCA	CRS
		- Perkongsian atau perbadanan yang ditubuhkan di AS atau di bawah undang-undang AS atau mana-mana negerinya; - Amanah jika (i) mahkamah di AS mempunyai kuasa di bawah undang-undang yang diguna pakai untuk memberikan perintah atau penghakiman mengenai sebahagian besar daripada semua isu mengenai pentadbiran amanah, dan (ii) satu atau lebih Orang AS mempunyai kuasa untuk mengawal semua keputusan penting amanah atau harta pusaka si mati yang merupakan warganegara atau pemastautin AS.	
4.	Apakah maklumat yang dilaporkan di bawah FATCA dan CRS?	Maklumat yang dilaporkan termasuk butiran pengenalan diri, contohnya: <u>Individu/Orang Yang Mengawal ("CP")/Entiti</u> - Nama - Alamat - Nombor Pengenalan Pembayar Cukai (TIN) AS - Tarikh lahir (bagi kes individu) - Maklumat akaun, iaitu nombor akaun, baki akaun, jumlah kasar yang dibayar ke dalam akaun sepanjang tahun - Sekiranya berlaku penutupan akaun, baki akaun serta-merta sebelum tarikh penutupan	Maklumat yang dilaporkan termasuk butiran pengenalan diri, contohnya: <u>Individu/Orang Yang Mengawal ("CP")/Entiti</u> - Nama - Alamat - Bidang kuasa mastautin untuk tujuan cukai - Nombor Pengenalan Pembayar Cukai (TIN) - Tarikh lahir (bagi kes individu) - Maklumat akaun, iaitu nombor akaun, baki akaun, jumlah kasar yang dibayar ke dalam akaun sepanjang tahun - Sekiranya berlaku penutupan akaun, fakta mengenai penutupan akaun
5.	Adakah seseorang itu mungkin merupakan pemastautin cukai di lebih daripada satu bidang kuasa?	Ya, seseorang mungkin merupakan pemastautin cukai lebih daripada satu bidang kuasa secara serentak. Faktor seperti kehadiran fizikal, hubungan dengan negara tertentu dan perjanjian cukai antara negara boleh mempengaruhi status pemastautin cukai seseorang.	
6.	Bagaimanakah CIMB menentukan sama ada saya tertakluk kepada	CIMB akan mengumpulkan maklumat pemastautin cukai daripada anda apabila anda membuka akaun dan mungkin mengambil langkah selanjutnya untuk mengesahkan maklumat berikut.	

**Foreign Account Tax Compliance Act (FATCA)
Common Reporting Standard (CRS)**

No.	Soalan	FATCA	CRS
	pelaporan di bawah FATCA atau CRS?	• Semasa pembukaan akaun: CIMB memerlukan kerjasama anda untuk melengkapkan borang pengesahan diri yang termasuk perakuan status mastautin cukai anda. Anda juga mungkin diminta untuk mengemukakan bukti berdokumen bagi mengesahkan tempat mastautin cukai yang diperakui dalam borang pengesahan diri anda. • Bagi jenis pelanggan entiti yang tertentu (seperti Entiti Asing Bukan Kewangan Pasif/Entiti Bukan Kewangan Pasif); anda juga dikehendaki mendedahkan identiti individu/orang sebenar yang mempunyai kawalan ke atas entiti (iaitu Orang Yang Mengawal). • Untuk pelanggan CIMB sedia ada: kami akan menghubungi anda untuk mengisi borang pengesahan diri jika perlu, seperti apabila kami mempunyai maklumat dalam rekod kami yang menunjukkan bahawa anda mungkin pemastautin cukai negara di luar Malaysia atau terdapat perubahan dalam keadaan yang boleh memberi kesan kepada ketepatan borang pengesahan diri anda sebelum ini.	
7.	Apakah yang berlaku jika saya tidak memberikan maklumat diperlukan untuk mematuhi FATCA atau CRS?	Jika anda tidak memberikan maklumat yang diperlukan, CIMB tidak dapat membuka akaun baharu atau menawarkan produk dan perkhidmatan tambahan kepada anda. CIMB juga boleh menamatkan hubungan dengan pelanggan yang enggan memberikan maklumat dan dokumen yang diperlukan. Di samping itu, CIMB juga mungkin dikehendaki mengenakan cukai tertahan AS 30% ke atas pembayaran daripada sumber AS tertentu yang masuk ke dalam akaun anda.	Jika anda tidak memberikan maklumat yang diperlukan, CIMB tidak dapat membuka akaun baharu atau menawarkan produk dan perkhidmatan tambahan kepada anda. CIMB juga boleh menamatkan hubungan dengan pelanggan yang enggan memberikan maklumat dan dokumen yang diperlukan.
8.	Jika saya seorang individu warganegara Malaysia, adakah saya masih perlu melengkapkan borang pengesahan diri individu FATCA / CRS?	Ya. Di bawah peraturan FATCA dan CRS Malaysia, CIMB dikehendaki mengumpulkan maklumat mengenai status pemastautin cukai bagi semua pelanggannya, tanpa mengira tempat mastautin, kerakyatan atau kewarganegaraan. Jika anda seorang individu yang hanya pemastautin cukai Malaysia, anda masih perlu mengisi borang pengesahan diri, tetapi CIMB tidak perlu melaporkan maklumat anda kepada pihak berkuasa cukai.	
9.	Di manakah saya boleh mendapatkan borang pengesahan diri FATCA / CRS?	Anda boleh mengunjungi mana-mana cawangan kami untuk mendapatkan borang pengesahan diri atau anda boleh memuat turun borang daripada laman sesawang www.cimb.com. Jika anda pelanggan Private Banking, anda boleh mendapatkan borang pengesahan diri melalui Pengurus Perhubungan yang ditetapkan untuk anda. • Bagi pelanggan individu, sila lengkapkan Borang Pengesahan Diri Individu FATCA / CRS. • Bagi pemilik tunggal dan pelanggan entiti, sila lengkapkan Borang Pengesahan Diri Entiti FATCA / CRS.	

**Foreign Account Tax Compliance Act (FATCA)
Common Reporting Standard (CRS)**

No.	Soalan	FATCA	CRS
		Bagi Orang Yang Mengawal, sila lengkapkan bahagian Orang Yang Mengawal dalam Pengesahan Diri Entiti FATCA / CRS. Borang pengesahan diri yang lengkap boleh diserahkan kepada cawangan kami. Untuk pelanggan luar negara, anda boleh menghubungi Pusat Khidmat Pelanggan kami untuk bantuan.	
10.	Adakah CIMB akan menghormati privasi data saya?	Ya, CIMB menghormati privasi data anda. Kami hanya akan mendedahkan maklumat anda kepada pihak berkuasa cukai yang berkaitan dan badan/pihak berkuasa lain, jika perlu di bawah undang-undang.	
11.	Apa yang perlu saya lakukan jika maklumat yang saya berikan untuk borang pengesahan diri FATCA / CRS berubah?	Sila maklumkan kepada CIMB dengan segera dan apabila diminta, berikan maklumat tambahan dan/atau lengkapkan borang FATCA tertentu. Anda bertanggungjawab untuk memastikan ketepatan data peribadi anda. Jika sebarang perubahan berlaku yang menjejaskan status pemastautin cukai anda atau menjadikan maklumat yang dipegang oleh CIMB tidak lagi tepat (atau dikenali sebagai Perubahan Keadaan), anda mesti memaklumkan CIMB dalam masa 30 hari dan menyediakan borang pengesahan diri yang dikemas kini.	Sila maklumkan kepada CIMB dengan segera dan apabila diminta, berikan maklumat tambahan dengan borang pengesahan diri yang baharu. Anda bertanggungjawab untuk memastikan ketepatan data peribadi anda. Jika sebarang perubahan berlaku yang menjejaskan status pemastautin cukai anda atau menjadikan maklumat yang dipegang oleh CIMB tidak lagi tepat (atau dikenali sebagai Perubahan Keadaan), anda mesti memaklumkan CIMB dalam masa 30 hari dan menyediakan borang pengesahan diri yang dikemas kini.
12.	Adakah maklumat yang disediakan dalam borang pengesahan diri FATCA / CRS yang dihantar mempunyai tarikh tamat tempoh?	Borang pengesahan diri FATCA / CRS biasanya kekal sah melainkan terdapat Perubahan Keadaan yang mempengaruhi status pemastautin cukai anda atau jika sebarang maklumat dalam borang tidak lagi tepat.	
13.	Apa yang berlaku jika maklumat yang diberikan dalam borang pengesahan diri adalah tidak betul?	Mana-mana orang yang memberikan maklumat salah semasa membuat pengesahan diri, melakukan kesalahan di bawah undang-undang Malaysia. Pihak berkuasa boleh mengambil tindakan dan mungkin akan dikenakan penalti dalam bentuk denda dan/atau penjara. Oleh yang demikian, sekiranya anda menyedari bahawa anda telah memberikan maklumat yang salah secara tidak sengaja, sila hubungi CIMB dengan segera untuk membuat pindaan yang diperlukan.	
14.	Apa yang boleh saya lakukan jika saya memerlukan nasihat	Sila hubungi penasihat cukai profesional kerana CIMB tidak menyediakan khidmat nasihat cukai.	

**Foreign Account Tax Compliance Act (FATCA)
Common Reporting Standard (CRS)**

No.	Soalan	FATCA	CRS
	tambahan untuk menentukan sama ada saya tertakluk kepada peraturan FATCA dan/atau CRS?		